

SENARAI TUGAS
TIMBALAN SETIAUSAHA BAHAGIAN GRED TERBUKA 54
DI CAWANGAN PERANCANGAN STRATEGIK
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELARASAN DASAR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

1. Menggubal, merancang, mengurus dan menyelaras aktiviti perancangan, penyelidikan dan penggubalan dasar Pendidikan Teknikal Dan Latihan Vokasional (TVET).
2. Menggubal, merancang, mengurus dan menyelaras aktiviti perancangan, penyelidikan dan penggubalan dasar pendidikan Revolusi Industri (IR) 4.0.
3. Merancang, mengurus dan menyelaras penggubalan kata-akta baharu atau penambahbaikan akta sedia ada.
4. Menghasilkan perancangan pembangunan pendidikan yang strategik, menyeluruh dan bersepadu selaras dengan objektif Kementerian.
5. Menyedia dan menentukan garis panduan yang boleh diikuti dalam melaksanakan perancangan pembangunan pendidikan.
6. Memberi khidmat nasihat dan rundingan berkaitan pembangunan pendidikan negara.
7. Merancang, mengurus dan menyelaras aktiviti jawatan kuasa berhubung penggubalan dasar/akta atau penambahbaikan dasar yang ditubuhkan di peringkat kementerian.
8. Menyediakan Kertas Dasar /Memorandum Jemaah Menteri (MJM) / Nota Jemaah Menteri (NJM) berkaitan dasar pendidikan dan memberikan ulasan terhadap kertas dasar / MJM / NJM.
9. Merancang dan memantau aktiviti berkaitan dana penyelidikan seperti berikut :
 - i. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Dana Penyelidikan;

LAMPIRAN I (b) – Cawangan Perancangan Strategik

- ii. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Dana Penyelidikan;
 - iii. Mesyuarat Pemantauan Pelaksanaan Kajian Dasar Pendidikan Tinggi (HEPS):
 - a. *Inception report*;
 - b. *Interim report*;
 - c. Draf Laporan Akhir; dan
 - d. Laporan Akhir
 - iv. Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Teknikal Jaringan Penyelidikan Awam-Swasta (PPRN); dan
 - v. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Dana PPRN.
10. Menilai keupayaan hasil-hasil kajian dasar pendidikan untuk tujuan penterjemahan kepada dasar / penambahbaikan dasar sedia ada / garis panduan / pelan tindakan.
 11. Mengurus hal-hal berkaitan pepadanan projek PPRN.
 12. Melaksanakan pemantauan projek PPRN.
 13. Membantu dalam menyediakan dan menyelaraskan pelbagai input kepada:
 - i. Mesyuarat Pasca Kabinet KPM;
 - ii. Mesyuarat Ketua Bahagian (MKB);
 - iii. Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT);
 - iv. Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri (MSJM);
 - v. Mesyuarat Majlis Ketua Setiausaha (MMKSU); dan
 - vi. pertanyaan Dewan Rakyat dan Dewan Negara.